

## Warga emas kerah keringat tumpung perbelanjaan isteri terlantar sakit

SUNGAI SIPUT (U) - Berat mata merandang, berat lagi bahu memikul. Mungkin itu perumpamaan tepat menggambarkan kehidupan Bahari Kechik, 64, dan keluarganya di Kampung Sungai Bendang, di sini.

Bukan saja perlu memberi perhatian menjaga isterinya yang sakit malah anaknya juga terpaksa berherent seolah untuk menjaga ibunya, Rosziana Romly, 37.

Menurut Bahari, isterinya mengalami komplikasi sewaktu melahirkan anak keempat mereka pada Oktober lepas menyebabkannya kini hanya mampu terbaring sepanjang hari.

Lebih menyedihkan, kedua-dua mereka membuatkan Bahari terpaksa menyerahkan anak bongsu mereka yang baru dilahirkan kepada kakak iparnya kerana dia tidak mampu menjaganya.

"Saya kerja kutip buah sawit, dalam sehari dapatlah RM20 ke RM30. Memang tak cukup untuk tanggung ke-



luarga apatah lagi susu khas untuk isteri saya saja berharga RM45.

"Itu pun bertahan tak sampai seminggu. Selain susu, saya perlu juga beli lampin pakai buang sebab dia memang tak boleh bergerak. Kos untuk semua itu agak tinggi.

"Saya dapat bantuan JKM sebanyak RM300 tapi masih tak cukup. Itu sebabnya walaupun sudah berusia saya perlu bekerja untuk tumpung keluarga," katanya.

Bahari berkata, dia bantu mengenangkan nasib keluarganya lebih-lebih lagi memikirkan anak sulungnya, Norsyakila Bahari, 16, yang kini tidak bersekolah kerana menjaga ke-



Bahari bantu memikirkan nasibnya dan keluarga yang dihimpit kemiskinan.

"Sebelum ini, beberapa minggu sebelum bersalin isteri saya kena sawan, dia koma selama 20 hari. Sebab itu, dia perlu melahirkan anak lebih awal melalui pembedahan.

"Lepas pembedahan,

dia koma lagi lebih sebulan. Sebaik sedar, dia tak dapat bercakap dengan baik, tak dapat berdiri atau duduk seperti biasa menyebabkan anak sulung perlu menjaganya sepanjang masa.

"Bila saya kerja, Norsyakila akan juga iburya. Itu saja yang mampu kami buat. Kalau saya tak kerja, macam mana saya nak tanggung kefugara, semua harus berkorban sekirang," katanya sedih.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menghubungi talian 013-5315889 (Bahari Kechik) atau menyulurkan sumbangan ke akaun bank 08901-29, 00017826-5 (Bank Simpanan Nasional atas nama Bahari Kechik).

### INFO

Tambahnya, mujur saudara terdekat banyak membantu mereka, namun jika difikirkan kembali sampai bila mereka sekeluarga perlu bergantung harap kepada mereka sedangkan mereka juga tidak berkemampuan.

"Rumah yang kami duduk sekarang dibina abang ipar saya.

"Cukuplah untuk jadi tempat kami sekeluarga ber teduh. Di sinilah kami teruskan hidup kami, biarpun perit kami gagahkan juga," katanya.